

## SET 1 : PROGRAM POS35

Cikgu Arbee Rose

### SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Dalam petikan ini, terdapat **tiga belas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan.*

Kebanyakan sukan air perlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran kursus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang kuat mampu mempercepat pengeluaran adrenalin. Jantung juga akan bergetar kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh. Proses ini menyebabkan kebakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini tidak sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal. Bagi mereka yang suka berenang pula, kajian yang penyelidik lakukan di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat, mendapati yang jangka hayat perenang berkemungkinan lebih lanjut berbanding dengan atlet lain seperti atlet olah raga. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling percaya-mempercayai, persefahaman dan perpaduan yang erat.

[13 markah]

|          |  |
|----------|--|
| BARIS 1  |  |
| BARIS 2  |  |
| BARIS 3  |  |
| BARIS 4  |  |
| BARIS 5  |  |
| BARIS 6  |  |
| BARIS 7  |  |
| BARIS 8  |  |
| BARIS 10 |  |

### SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Adib berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini dikatakan demikian kerana dia ingin membela nasib keluarganya yang miskin. Ibunya hanya mengambil upah membasuh pinggan di sebuah restoran, manakala bapanya lumpuh akibat kemalangan jalan raya beberapa tahun yang lalu. Dia tidak malu bertanya kepada guru-guru jika dia tidak memahami topik yang dipelajari. Akhirnya Adib mendapat keputusan yang cemerlang dalam SPM.

[ 6 markah ]

|           |  |
|-----------|--|
| BARIS 1   |  |
| BARIS 2-3 |  |
| BARIS 4   |  |
| BARIS 5   |  |